



INDEKS SYARIAH MALAYSIA

ASPEK PERUNDANGAN

Zaleha Kamarudin | Ainul Jaria Maidin
Sahari Nordin | Azizah Mohd.
Badrudin Ibrahim | Roosfa Hashim



HUM
Press

INDEKS SYARIAH MALAYSIA



INDEKS SYARIAH MALAYSIA

ASPEK PERUNDANGAN

Zaleha Kamarudin
Ainul Jaria Maidin
Sahari Nordin
Azizah Mohd.
Badrudin Ibrahim
Roosfa Hashim



**IIUM
Press**

Gombak • 2019

Cetakan Pertama, 2019
©IIUM Press, IIUM

IIUM Press ialah ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia - MAPIM
(Malaysian Scholarly Publishing Council)
Persatuan Penerbit Buku Malaysia - MAPOBA
(Malaysian Book Publishers Association)
No. Ahli - 201905

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem dapatan semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebagainya, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Zaleha Kamarudin

KAJIAN INDEKS SYARIAH MALAYSIA BIDANG PERUNDANGAN /

Zaleha Kamarudin, Ainul Jaria Maidin, Sahari Nordin,
Azizah Mohd., Badrudin Ibrahim, ROOSFA HASHIM.

ISBN: 978-967-418-779-8

1. Maqasid (Islamic Law). 2. Islamic Law.

I. Ainul Jaria Maidin, II. Sahari Nordin.

III. Azizah Mohd. IV. Badrudin Ibrahim.

V. Roosfa Hashim, 1962-. VI. Judul.

297.273

Diterbitkan oleh

IIUM Press

International Islamic University Malaysia
P.O. Box 10, 50728 Kuala Lumpur, Malaysia

Cetakan di Malaysia oleh

Reka Cetak Sdn. Bhd.

No. 12 & 14, Jalan Jemuju Empat 16/13D
Seksyen 16, 40200 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.



KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	ix
BAB 1 : PENDAHULUAN	1
1.1. Pendahuluan	1
1.1.1. Objektif Kajian	2
1.1.2. Persoalan Kajian	3
1.1.3. Pembangunan Indeks Syariah Malaysia	3
1.2. Rasional Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran Negara	8
BAB 2 : MAQASID SYARIAH DALAM BIDANG PERUNDANGAN	11
2.1. Pengenalan	11
2.2. Konsep Maqasid Syariah	11
2.3. Maqasid Syariah dalam Bidang Perundangan	13
2.4. Kajian-kajian berkaitan Maqasid Syariah	17
2.5. Ringkasan Undang-Undang Perlindungan 5 Elemen Maqasid Shariah Al-Dharuriyyah	19
2.5.1. Perlindungan Agama	20
2.5.2. Perlindungan Nyawa	22
2.5.3. Perlindungan Keturunan	23
2.5.4. Perlindungan ‘Aqal	24
2.5.5. Perlindungan Harta	25
2.6. Sorotan Literatur berkaitan Indeks Syariah	26
2.7. Sorotan Literatur berkaitan Maqasid Syariah	28
2.8. Sorotan Literatur berkaitan Perundangan dan Maqasid Syariah	32
2.9. Literatur berkenaan Pengukuhan, Penambahbaikan dan Pelaksanaan Perundangan di Malaysia	36

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN	40
3.1. Pengenalan	40
3.2. Membina Instrumen Kajian	40
3.3. Kesahan dan Kebolehpercayaan	41
3.4. Populasi, Sampel dan Persampelan	42
3.5. Tatacara Pengumpulan Data	42
3.6. Muzakarah Pakar	43
3.7. Proses Pembinaan dan Pengiraan Indeks	44
3.8. Kesimpulan	45
BAB 4 : ANALISIS INDEKS SYARIAH MALAYSIA BIDANG PERUNDANGAN 2015	45
4.1. Pendahuluan	45
4.2. Peruntukan Perundangan Islam mengikut Penilaian Pemerintah	45
4.3. Peruntukan Perundangan Islam mengikut Penilaian Pelaksana	51
4.4. Peruntukan Perundangan Islam mengikut Penilaian Masyarakat	59
4.5. Nilai Indeks Syariah Malaysia Bidang Perundangan Islam 2015	67
4.6. Nilai Indeks Keseluruhan	68
BAB 5 : ANALISIS INDEKS SYARIAH MALAYSIA BIDANG PERUNDANGAN (ISMp 2017)	69
5.1. Pengenalan	69
5.2. Latar Belakang Sampel Kajian	69
5.3. Pelaksanaan Peruntukan Perundangan mengikut Penilaian Kumpulan Pelaksana	78
5.4. Petunjuk-Petunjuk Tambahan untuk ISMp 2017	85
5.5. Nilai Indeks Syariah Malaysia dalam Bidang Perundangan	86
5.6. Perbandingan Hasil Dapatan ISMp 2017 dan ISMp 2015	87

BAB 6 : RUMUSAN DAN PENUTUP	89
6.1. Pengenalan	89
6.2. Analisis	89
6.3. Interpretasi dan Implikasi daripada Nilai-Nilai Indeks Syariah Malaysia	90
6.4. Rumusan Aspek Pemeliharaan Kelima-Lima Aspek Maqasid Syariah	92
6.4.1. Aspek Pemeliharaan Agama: Isu dan Cabaran	93
6.4.2. Pemeliharaan Nyawa: Isu-Isu dan Rumusan	102
6.4.3. Aspek Pemeliharaan Keturunan: Isu-Isu dan Rumusan	107
6.4.4. Aspek Pemeliharaan Aqal: Isu-Isu dan Rumusan	115
6.4.5. Aspek Pemeliharaan Harta: Isu-Isu dan Rumusan	123
6.5. Isu-Isu Fokus untuk Peningkatan Indeks	128
6.6. Cadangan Penambahbaikan	129
6.7. Penutup	132
<i>Bibliografi</i>	135
<i>Lampiran</i>	
<i>Senarai Statut</i>	143
<i>Senarai Kes</i>	145
<i>Indeks</i>	147





PRAKATA

Kajian rintis untuk membina Indeks Syariah Malaysia telah dibuat pada tahun 2015 (ISM 2015). Usaha membina Indeks Syariah Malaysia bertujuan mewujudkan satu model tadbir urus berteraskan Maqasid Syariah untuk digunakan oleh semua jabatan dan agensi kerajaan. Secara umumnya, ISM membuat pengukuran tentang penggubalan dan pelaksanaan polisi dan undang-undang oleh Malaysia berjalan di atas landasan Maqasid Syariah yang merupakan tunjang kepada agama Islam.

Walaupun prinsip-prinsip Maqasid Syariah sememangnya telah diintegrasikan oleh Kerajaan Malaysia dalam pemerintahan, pembuatan dasar dan penggubalan undang-undang selama ini, tetapi usaha ini belum pernah diukur secara saintifik. Dengan yang demikian pihak Kerajaan berpendapat telah tiba masanya suatu pendekatan serius diambil bagi menilai kesungguhan usaha-usaha Kerajaan dalam menepati piawai melaksanakan prinsip-prinsip Islam dalam proses pembuatan dasar, undang-undang dan semua aspek pentadbiran kerajaan. Indeks Syariah Malaysia (ISM) merupakan inisiatif pihak Kerajaan untuk mengukur kesungguhan dan usaha yang telah dilakukan dalam melaksanakan dasar-dasar pentadbiran berasaskan prinsip-prinsip kesejagatan Islam berpaksikan kepada Maqasid Syariah. JAKIM selaku agensi penyelaras hal ehwal Islam di Malaysia telah diamanahkan untuk merealisasikan hasrat murni Kerajaan ini.

Hasil usaha untuk membina Indeks Syariah untuk Malaysia ini demi melaksanakan tercetus semasa Majlis Perdana Ulama' Umara' pada 28 Ogos 2014, bagi Malaysia melakarkan satu dimensi baru berkaitan Indeks Syariah Malaysia. Indeks ini merupakan satu produk pelengkap tadbir urus Islam di Malaysia, yang boleh dianggap mempunyai nilai-nilai perintis. Dalam erti kata ia adalah menyeluruh, komprehensif dan yang pertama seumpamanya di dunia".¹ Pada 10hb Februari, 2015 YAB Perdana Menteri telah melakar satu dimensi baru dalam pentadbiran Kerajaan Malaysia apabila melancarkan Indeks Syariah Malaysia sejajar dengan hasrat dan kesungguhan Kerajaan untuk melaksanakan pendekatan Maqasid Syariah dalam pentadbiran negara. Indeks Syariah

¹ Ucapan YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Hj. Abdul Razak sempena Majlis Perdana Ulama' Umara' 2015 dan Pelancaran Indeks Syariah Malaysia pada 10 Februari 2015 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya.

Malaysia ini adalah model tadbir urus Islam yang pertama seumpamanya di dunia dan boleh dijadikan rujukan oleh negara-negara Islam lain untuk mengukur tahap pelaksanaan prinsip-prinsip Maqasid Syariah dalam semua aspek pentadbiran kerajaan.

Setelah model Indeks Syariah Malaysia dibina, pihak JAKIM meneruskan usaha murni ini dengan melantik perunding dari universiti awam untuk menggunakan Indeks Syariah Malaysia untuk mengukur tahap pelaksanaan prinsip-prinsip Maqasid Syariah dalam semua aspek pentadbiran kerajaan.

Keterbatasan kesedaran dan pengetahuan tentang *Maqasid Syariah* telah mula ditangani secara strategik menerusi kajian Indeks Syariah Malaysia (UIAM, ISM 2014; JAKIM, ISM, 2015). Tujuan kajian ISMp 2017 ialah untuk menggubal kerangka konseptual, membina instrumen pengukuran, dan menentukan rumusan Indeks Syariah Malaysia. Dengan mengadakan beberapa metod penyelidikan seperti perspektif pakar dari sesi muzakarah, proses menanda aras, kajian lapangan, semakan dokumen dan sorotan literatur, kajian-kajian tersebut membuka ruang dan peluang kepada pemahaman mendalam, pemurniaan konsep, dan amalan Maqasid Syariah. Masyarakat umum mula peka dan sedar dengan makna, tujuan, isu dan masalah berkaitan pelaksanaan, pengurusan dan penaksiran Maqasid Syariah.

ISM 2014 adalah projek rintis Indeks Syariah Malaysia apabila Universiti Islam Antarabangsa Malaysia menyediakan cadangan setelah mengadakan beberapa siri perjumpaan dan perbincangan antara Prof Dato' Sri Dr Zaleha Kamarudin, Dato Aidit Ghazali dan Prof Madya Dr Asyraf Wajdi Dusuki yang pada waktu itu adalah Yang Dipertua YADIM.

Rumusan komprehensif dan menyeluruh bagi usaha memacukan transformasi dalam bidang perundangan Islam sebelum ini adalah hasil dari kajian yang dijalankan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) pada tahun 2010 - 2012 yang melibatkan sepuluh (10) buah institusi yang berkaitan untuk memperkasakan perundangan Islam di Malaysia. Satu Konvensyen Pemacuan Transformasi Sistem Perundangan Islam di Malaysia telah dilaksanakan pada 2011 dengan kerjasama Majlis Agama Islam Selangor.

Wakil-wakil dari Majlis Agama Islam Negeri turut hadir memberi sokongan padu kepada Konvensyen ini. Sepuluh kertas kerja penting turut

dibentangkan. Isu-isu berkaitan perundangan Islam telah diberi tumpuan khusus dalam perbincangan dengan mereka yang terlibat secara langsung dalam dengan perundangan Islam melalui Muzakarah Pakar melibatkan kesemua agensi tersebut menunjukkan beberapa perkara penting perlu dipacu transformasinya supaya perundangan Islam dapat diperkasakan iaitu:

- a) Membaiki tanggapan atau persepsi masyarakat Islam berhubung kedudukan institusi-institusi perundangan Islam di Malaysia;
- b) Memperkasakan kedaulatan institusi Kesultanan Melayu;
- c) Mempertingkatkan keberkesanan peranan agensi-agensi perundangan Islam di Malaysia;
- d) Memperkemas tahap kerjasama antara agensi-agensi perundangan Islam di Malaysia;
- e) Meningkatkan kedudukan dan keberkesanan mekanisme penyelarasan dan penyeragaman undang-undang Islam di Malaysia;
- f) Mengenal pasti tahap keperluan usaha bagi mempertingkatkan profesionalisme modal insan dalam bidang perundangan di universiti-universiti awam;
- g) Menambahbaik sistem perundangan Islam berdasarkan penyelidikan dan
- h) Memperkasakan badan-badan bukan kerajaan yang berkaitan dengan agensi perundangan Islam dioptimumkan.

Dalam usaha untuk melengkapkan kajian rintis ISM 2014 yang telah dijalankan sebelum ini, penambahbaikkkan dari segi kualiti kajian dan juga kuantiti responden telah dilakukan dalam kajian ISMp 2015 dan Kajian ISMp 2017. ISMp 2015 menyediakan kerangka umum dan instrumen untuk mengukur, mentaksir dan memperihalkan pematuhan Maqasid Syariah bagi kesemua lapan bidang tadbir urus negara. Bidang-bidang utama yang akan diukur menggunakan Indeks Syariah Malaysia 2014 adalah seperti berikut:

- a) Perundangan Islam
- b) Politik
- c) Ekonomi

- d) Pendidikan
- e) Kesihatan
- f) Budaya
- g) Prasarana dan persekitaran
- h) Sosial

Lapan bidang utama yang tersenarai di atas dijadikan indikator untuk diukur bagi melihat tahap sebenar pematuhan pemerintah dalam mematuhi prinsip Syariah melalui pelaksanaannya di Malaysia. Pematuhan Indeks Syariah Malaysia akan dilihat pada skop yang lebih luas, mencakupi bidang-bidang yang telah dinyatakan di atas. Pengukuran yang dibuat akan melihat sejauh mana tuntutan Syariah dilaksanakan secara holistik dalam pemerintahan negara. Pengukuran ke atas lapan bidang utama tersebut akan dinilai untuk menentukan adakah lima elemen dalam Maqasid Syariah yang menjurus kepada pemuliharaan atau penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Tiga kumpulan responden yang terlibat dalam proses pengukuran Indeks Syariah adalah:

- a) pemerintah selaku pembuat dasar;
- b) agensi-agensi selaku pelaksana dasar; dan
- c) masyarakat selaku penerima manfaat.

Memandangkan terdapatnya kelainan dan keunikan matlamat dan dasar tersendiri pada setiap bidang, maka kajian lanjutan wajar dilakukan dengan mengambil kira kelainan dan keunikan yang wujud. ISMp 2015 turut menegaskan peri pentingnya penambahbaikan mekanisme pengukuran dan pengumpulan bukti-bukti tentu sah, kebolehpercayaan dan kesesuaian praktis instrumen untuk mengukur Indeks Syariah Malaysia dalam bidang perundangan Islam kepada yang lebih luas itu mencakupi bidang perundangan secara keseluruhan. Tambahan lagi, pemantauan berkala adalah diperlukan untuk meningkatkan kualiti utiliti dan penggunaan Indeks Syariah Malaysia (ISM 2014; ISMp 2015). ISMp 2017 pula bertujuan memurnikan dan menambahbaik ISMp 2015 untuk mengukur indeks perundangan di Malaysia serta tahap pengukuhan dan pelaksanaannya sam ada selari dengan kehendak Maqasid Syariah dalam bidang Perundangan.

Kajian ini juga adalah penting demi mengambil kira kehendak rakyat Islam di Malaysia yang sentiasa inginkan undang-undang Islam diletakkan di kedudukan yang sebenar dan menyokong sebarang usaha untuk memartabatkan hukum syarak. Menurut Abul ‘Ala Al-Mawdudi (1980), sebarang perubahan terhadap undang-undang negara seharusnya mengambil kira aspek sejarah dan kesinambungan sifat dan bentuk perundangan negara tersebut.

Kajian ISMp 2015 merupakan kajian rintis dalam membina Indeks Khusus untuk mengukur pematuhan prinsip-prinsip Maqasid Syariah dalam bidang perundangan. Kajian mengkaji sama ada undang-undang Islam serta undang-undang sivil dan jenayah yang dilaksanakan di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia mematuhi kehendak Maqasid Syariah.

Kajian ISMp pada tahun 2017 pula dibuat untuk mengenal pasti sama ada undang-undang yang sedia ada mematuhi elemen-elemen Maqasid Syariah. Hasil kajian akan memudahkan pihak kerajaan mengkaji semula undang-undang yang bercanggahan dengan prinsip-prinsip Maqasid Syariah supaya undang-undang tersebut boleh diubah suai atau dimansuhkan. Kajian ISMp 2017 juga bertujuan menyumbang kepada pemurnian Indeks Syariah Malaysia khususnya untuk bidang perundangan. Indeks Syariah Malaysia selain berperanan sebagai wadah pencetus pemikiran, pemantau pencapaian dan keberhasilan, ia juga adalah penggerak amalan hidup umat Islam dalam mematuhi perintah dan larangan Allah.

Kajian Indeks Syariah Malaysia Bidang Perundangan ini ditumpukan kepada penjana makna, pengukuran pematuhan, penilaian pematuhan, dan penggubalan usul penambahbaikan amalan Maqasid Syariah dalam perundangan. Untuk mencapai tujuan tersebut, kajian ini mengayakan pangkalan data untuk keperluan pihak pemerintah, pelaksana dan rakyat. Pelbagai jenis data yang bersumberkan pendekatan empiris, kuantitatif dan kualitatif dikumpul dan dianalisis. Semua itu mengukur aras pengetahuan, kesedaran dan keberkesanan pematuhan Maqasid Syariah yang dirumuskan menerusi pernyataan numerik, iaitu aras Indeks Syariah Malaysia dalam bidang Perundangan (ISMp).

Pada umumnya kajian ini bertujuan menyumbang kepada Maqasid Syariah. Ia berperanan sebagai wadah pencetus pemikiran,

pemantau pencapaian dan keberhasilan. Kajian ini juga adalah penggerak amalan hidup umat Islam dalam mematuhi perintah dan larangan Allah, di samping memungkinkan umat sejagat memakmurkan ciptaan Allah.

Kajian ini ditumpukan kepada penjanaan makna, pengukuran pematuhan, penilaian pematuhan, dan penggubalan usul penambahbaikan amalan Maqasid Syariah dalam perundangan Islam. Untuk mencapai tujuan tersebut, kajian ini membina pangkalan data untuk keperluan pemegang taruh dan rakyat memaklumi dasar dan inisiatif pemerintah dan sistem perundangan dalam meningkatkan kualiti pengetahuan dan pematuhan Maqasid Syariah. Pelbagai jenis data yang bersumberkan pendekatan empiris, kuantitatif dan kualitatif dikumpul dan dianalisis. Semua itu mengukur aras pengetahuan, kesedaran dan keberkesanan pematuhan *Maqasid Syariah* yang dirumuskan menerusi pernyataan numerik, iaitu aras Indeks Syariah Malaysia dalam bidang Perundangan Islam (ISMp).

Objektif kajian Indeks Syariah Malaysia Bidang Perundangan 2015 (ISMp 2015) adalah untuk:

- a) Membentuk kesepakatan pemikiran serta pemahaman pakar terpilih terhadap unsur dalam aspek merancang, menggubal dan mengurus perundangan Islam menerusi dasar-dasar pembangunan dan pentadbiran negara serta pelbagai dasar operasi yang berkaitan;
- b) Mengenal pasti dan membina kerangka model pengukuran ISMp, kriteria, petunjuk dan instrumen setara, iaitu standard kualiti untuk mengukur pematuhan Maqasid Syariah dalam perundangan Islam;
- c) Menentukan instrumen standard dan data pematuhan Maqasid al-Syariah dalam kalangan pemerintah (pembuat dasar), agensi pelaksana dan masyarakat Islam di Malaysia;
- d) Mengukur, menilai dan membandingkan Indeks Syariah dalam bidang perundangan Islam mengikut kategori sampel, iaitu pemerintah, agensi pelaksana dan masyarakat.
- e) Menggubal dan mengemukakan cadangan penambahbaikan amalan merancang, mengurus dan memantau Maqasid Syariah dalam kalangan masyarakat Islam umumnya, dan Malaysia khususnya.

Objektif Kajian ISMp 2017

Kajian ISMp 2017 adalah lanjutan dari kajian ISMp 2015 yang merupakan kajian rintis dalam bidang perundangan. Objektif kajian ISMp 2017 adalah merangkumi aspek-aspek berikut:

- a) Menentukan instrumen standard yang ditambah baik dan data pematuhan *Maqasid Syariah* dalam kalangan pemerintah (pembuat dasar) dan agensi pelaksana di Malaysia;
- b) Mengukur dan menilai Indeks Syariah dalam bidang perundangan mengikut kategori sampel, iaitu pemerintah dan agensi pelaksana.
- c) Membandingkan perubahan Indeks Syariah dalam bidang perundangan mengikut kategori sampel, iaitu pemerintah dan agensi pelaksana antara tahun 2015 dengan 2017.

Pembangunan Indeks Syariah Malaysia adalah penting dalam mengukur tahap pematuhan elemen-elemen *Maqasid Syariah* dalam kalangan ketiga-tiga komponen iaitu kerajaan atau pemerintah yang terlibat dalam penggubalan dasar, agensi-agensi pelaksana dalam melaksanakan dasar dan perspektif berkaitan dengan dasar dan pelaksanaan dasar oleh masyarakat. Jadual 1 di bawah menjelaskan kaedah kajian dan sampel responden.

Jadual 1: Kaedah Kajian dan Sampel Responden
Sampel Pembuat Dasar (n = 260)

	Kekerapan	Peratus
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang JAKIM	13	5.0
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang JPM	12	4.6
Jabatan Bantuan Guaman	5	1.9
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia	20	7.7
Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)	44	16.9
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)	33	12.7
Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Sembilan (JHEINS)	16	6.2
Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS)	9	3.5
Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)	58	22.3
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)	37	14.2
Pejabat Mufti Negeri Sembilan	13	5.0

- Teknik persampelan, *purposif*
- Sampel Pemerintah (n = 260)
- Pertambahan 17 X ganda
- Sampel Pelaksana (n = 551)
- Pertambahan 5.5 X ganda
- Kadar Respons (KR) = 81.1%
- KR dijangkakan = 100%

Nilai Indeks Syariah Dalam Bidang Perundangan

Indeks Syariah Malaysia bidang Perundangan 2017 ('ISMp 2017') dibina bagi mengukur tahap pematuhan lima elemen Maqasid Syariah dalam sistem perundangan di Malaysia. Jadual 2 meringkaskan hasil pengiraan indeks bagi setiap komponen. Jadual ini juga membandingkan hasil pengukuran indeks ISMp 2017 dengan ISMp 2015.

Jadual 2: Indeks Syariah Malaysia Bidang Perundangan 2015 dan 2017

Indeks Syariah dan Subindeks Syariah 2015-2017							
Komponen	2017			2015			
	Bil Item	Pembuat Dasar	Pelaksana	Bil Item	Pembuat Dasar	Pelaksana	Masyarakat
Pemeliharaan Agama	15	89.7	85.8	11	91.7	83.2	79.4
Pemeliharaan Nyawa	10	91.6	87.5	10	94.3	82.7	82.9
Pemeliharaan Keturunan	12	88.8	83.9	12	92.5	78.7	78.1
Pemeliharaan Akal	15	89	85.9	11	93.2	78.5	77.3
Pemeliharaan Harta	12	87.9	85.1	10	96	85.6	82.2
	64	89.4	85.64	54	93.54	81.74	79.98
		87.9			87.3		

Keputusan analisis hasil dapatan kajian ISMp 2017 adalah seperti berikut:

- a) ISMp 2017 untuk kumpulan pemerintah ialah 93.54, manakala untuk kumpulan pelaksana ialah 81.74.
- b) Sama seperti yang ditemukan dalam Kajian ISMp 2015, ISMp 2017

- indeks kumpulan pemerintah adalah lebih tinggi berbanding dengan kumpulan pelaksana.
- c) Dalam ISMp 2017, elemen Indeks Pemeliharaan Nyawa adalah yang paling tinggi untuk kedua-dua kumpulan pemerintah dan pelaksana, manakala Indeks Pemeliharaan Keturunan menunjukkan nilai paling rendah.
 - d) ISMp 2017 kumpulan pemerintah didapati rendah jika dibandingkan dengan indeks yang sama pada tahun 2015. Hal ini mungkin disebabkan oleh penambahbaikan yang telah dilakukan ke atas instrumen pengukuran dan saiz sampel yang 20 kali ganda lebih besar berbanding dengan Kajian tahun 2015.
 - e) Terdapat peningkatan ketara nilai ISMp 2017 kumpulan Pelaksana berbanding ISMp 2015.

Rumusan Kaji Selidik ISMp 2017

Kaji selidik ISMp 2017 telah dirancang dan dilaksanakan untuk mengukur tahap pengukuhan dan pelaksanaan undang-undang secara keseluruhan dan tidak terhad kepada undang-undang Islam. Laporan ini membentangkan keputusan-keputusan kaji selidik tersebut yang dijalankan berdasarkan prosedur-prosedur berikut:

- a) Kaji selidik ISMp 2017 menggunakan soal selidik yang telah ditambah baik untuk mengukur pelaksanaan amalan Maqasid Syariah dalam perundangan negara Malaysia.
- b) Berbanding soal selidik ISMp 2015 yang mengandungi 54 aspek, soal selidik ISMp 2017 berisi 64 aspek untuk lima komponen pelaksanaan Maqasid Syariah dalam perundangan.
- c) Data yang dianalisis sehingga Julai 2017 adalah terdiri daripada 313 orang pembuat dasar dan 710 orang dari kumpulan pelaksana.

INDEKS SYARIAH MALAYSIA

ASPEK PERUNDANGAN

Indeks ini merupakan satu produk pelengkap tadbir urus Islam di Malaysia, yang boleh dianggap mempunyai nilai-nilai perintis. Dalam erti kata ia adalah menyeluruh, komprehensif dan yang pertama seumpamanya di dunia”. Pada 10hb Februari, 2015 YAB Perdana Menteri telah melakar satu dimensi baru dalam pentadbiran Kerajaan Malaysia apabila melancarkan Indeks Syariah Malaysia sejajar dengan hasrat dan kesungguhan Kerajaan untuk melaksanakan pendekatan Maqasid Syariah dalam pentadbiran negara. Indeks Syariah Malaysia ini adalah model tadbir urus Islam yang pertama seumpamanya di dunia dan boleh dijadikan rujukan oleh negara-negara Islam lain untuk mengukur tahap pelaksanaan prinsip-prinsip Maqasid Syariah dalam semua aspek pentadbiran kerajaan.

ISBN: 978-967-418-779-8



9 789674 187798

IUM Press

- ☎ (603) 6196 5014 / 5018
- ☎ (603) 6196 6298
- ✉ iiumbookshop@iium.edu.my
- 🌐 www.iiumpress.iium.edu.my/bookshop/
- 📘 www.facebook.com/iiumpress
- 📷 www.instagram.com/iium_press
- 🐦 <https://twitter.com/PressIium>

